

# Pahang peruntukan RM35 juta pertingkat kecekapan pengurusan banjir

Oleh [Asrol Awang](#) - Mei 26, 2022 @ 1:07pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Kerajaan Pahang meluluskan peruntukan sejumlah RM35 juta untuk melaksanakan perolehan dan perbelanjaan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan banjir di negeri itu.-  
Foto fail NSTP

**KUANTAN:** Kerajaan Pahang meluluskan peruntukan sejumlah RM35 juta untuk melaksanakan perolehan dan perbelanjaan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan banjir di negeri itu.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata keputusan itu dicapai pada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), semalam.

Katanya, antara keputusan yang dicapai dalam mesyuarat itu ialah pembelian tiga bot amphibia dan sebuah bot hovercraft.

"Peruntukan itu juga membabitkan pembinaan enam Pusat Pemindahan Banjir Kekal, pembinaan helipad (landasan pendaratan helikopter) di Benta, Lipis; Kampung Rening, Cameron Highlands); bandar Temerloh dan Lanchang, Temerloh dan Chenor, Maran.

"Selain itu, pembelian instrumen sistem amaran awal tanah runtuh di Cameron Highlands dan sistem amaran banjir di Raub serta pembelian bot menyelamat yang akan ditempatkan di Pejabat Penghulu.

"Ia turut membabitkan pelaksanaan kursus khas pengurusan bencana banjir kepada petugas di peringkat daerah.

"Semua perolehan dan perbelanjaan ini dianggarkan bernilai kira-kira RM35 juta," katanya dalam kenyataan media, hari ini.

Wan Rosdy berkata, selain itu, kerajaan negeri juga sedang menyelaras beberapa lagi tindakan perolehan dan perbelanjaan bagi memastikan pengurusan bencana banjir sentiasa lancar dan efisien.

Namun, katanya, pendekatan yang diambil adalah berbeza berdasarkan keperluan dan permintaan di setiap daerah.

"Saya berharap dengan perolehan dan perbelanjaan ini, semua pihak khususnya pasukan penyelamat dan petugas barisan hadapan sentiasa bersiap siaga bagi menghadapi sebarang situasi bencana yang berlaku pada bila-bila masa terutama dalam keadaan cuaca tidak menentu ketika ini.

"Bagi saya, pasukan penyelamat dan petugas barisan hadapan sememangnya perlu dibekalkan dengan kelengkapan yang bersesuaian serta latihan dan ilmu yang sepatutnya kerana mereka terdedah kepada risiko besar ketika berlakunya sesuatu bencana.

"Kerajaan negeri sentiasa berusaha bagi menambah baik keperluan dan kelengkapan sedia ada yang dibekalkan kepada petugas kita.

"Saya berdoa agar negeri Pahang dan rakyatnya sentiasa dilindungi oleh Allah SWT daripada sebarang musibah, wabak penyakit dan malapetaka," katanya.